

TALKING POINT
BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM KAMPUNG 1 MALAYSIA 2011
PADA 30 JUN 2011,
DI DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH

Bismillah Hirrahman Nirrahim

SALUTATION :

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Yang Berusaha Encik Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar,

Penolong-penolong Naib Canselor

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar IPTA/IPTS

Wakil-wakil JKKK Kampung, para peserta program Kampung 1 Malaysia sekalian.

Wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalin.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

**Kalau pergi Tanjung Keramat,
Anak manis jangan diangkat;
Bersama kita memohon rahmat,
Moga majlis mendapat berkat.**

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya, dapat kita bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Penutup Program Kampung 1 Malaysia.

Syukur juga kerana program yang dicetuskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan diuruskan oleh UniMAP sebagai tuan rumah berjaya dijalankan dengan baik tanpa sebarang masalah.

Tahniah kepada semua peserta yang mewakili lapan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) di Zon Utara atas komitmen jitu dan semangat berpasukan anda dalam menjayakan program ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Konsep Gagasan 1 Malaysia telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri kita, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak pada 16 September 2009. Konsep ini adalah bertujuan untuk memacu Negara Malaysia sebagai sebuah negara maju selaras dengan Wawasan 2020 yang telah diperkenalkan oleh Mantan Perdana Menteri iaitu YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad.

Justeru Program Kampung 1 Malaysia merupakan program yang telah dirancang dalam sama – sama berkempen untuk memastikan pemahaman rakyat Malaysia dan rakyat negeri Perlis khususnya mengenai Konsep Gagasan 1 Malaysia.

Saya percaya, penganjuran program ini sememangnya tepat dan seiring dengan usaha dan komitmen kepimpinan negara untuk bersatu padu bagi memajukan Malaysia mengikut acuan kita sendiri.

Adalah menjadi harapan KPT dan juga semua pengurusan IPTA dan IPTS agar peserta yang menyertai program ini dapat

menyampaikan maklumat-maklumat yang berunsurkan intelektual, toleransi, patriotisme serta penghayatan tentang budaya kepada masyarakat setempat.

Pada masa sama, kita juga mengharapkan mahasiswa dan mahasiswi dapat menerangkan konsep 1MALAYSIA sebagai satu gagasan bagi memupuk perpaduan dikalangan rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang bangsa agar pengakhirannya dapat membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu, berintegrasi, patriotik serta menghormati sistem kerajaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Mahasiswa dan mahasiswi merupakan generasi pelapis kepimpinan negara. Kepimpinan mahasiswa diertikan sebagai kepimpinan yang diasaskan oleh rasa tanggungjawab untuk menjaga kemaslahatan umum. Ia juga dikatakan sebagai medan latihan sebelum terjun ke medan sebenar.

Justeru, mahasiswa-mahasiswi harapan negara perlu diperkasakan dengan sikap dan ketahanan mental supaya mereka mampu berhadapan dengan cabaran globalisasi dan mengharungi limpahan teknologi yang mencabar survival mereka untuk melangkah ke hadapan.

Anda juga merupakan modal insan yang dijana oleh kerajaan untuk mencapai kejayaan agama, bangsa dan negara. Maka atas sebab itu anda perlu menjadi tenaga kerja yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan.

Negara kita diakui mempunyai kepelbagaian kaum yang cukup berbeza dengan keunikan dan keindahan. Dalam sedar ataupun tidak, golongan belia (mahasiswa) kini merupakan kelompok terbesar dalam populasi masyarakat di Malaysia – ia informasi baik untuk masa depan negara kerana mempunyai banyak tenaga, idea serta penggerak muda yang akan meneruskan agenda pembangunan Negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Menurut perangkaan, 9.8 juta daripada 24 juta rakyat Malaysia berada dalam julat umur antara 15 hingga 40 tahun, dan 46 peratus daripadanya berada dalam lingkungan usia antara 15 hingga 24 tahun.

Justeru, sebagai persediaan menjadi pemimpin negara, Ilmu merupakan teras yang paling utama. Dalam perkembangan dunia sekeliling ilmu pengetahuan kini menjadi modal kehidupan yang amat berharga. Nilai ilmu itu sendiri adalah merupakan asas dalam mewujudkan suasana kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Justeru generasi mahasiswa tidak boleh tertinggal dan terpengaruh dengan gejala yang hanya menyekat kemaraan bagi meneruskan pencarian ilmu. Ilmu itu perlu dicari dan difahami dengan sebaiknya. Ilmu itu tidak akan bermakna jika ia tidak disertakan dengan pemahaman yang mendalam mengenainya.

Dan atas sebab itulah, program ini disasarkan kepada anda semua. Sebagai generasi yang berilmu, anda merupakan duta kecil negara untuk menyalurkan peri pentingnya pemahaman mengenai konsep 1 Malaysia dikalangan masyarakat.

Peranan ilmu pengetahuan yang difahami dan dihayati mestilah kita jadikan sebagai asas yang akan membantu kita dalam mewujudkan pembaharuan diri yang lebih teguh. Ilmu pengetahuan dan pendidikan yang tinggi biarlah menjadi asas ke arah pembinaan insan yang lebih berkualiti tinggi.

Kita perlu berpegang kepada identiti sendiri, di samping tidak boleh menyempitkan ruang ke arah kemajuan, yang penting bagi kita adalah sensitiviti bangsa. Jika sensitiviti kita tumpul maka ia akan menghakis rasa cemburu. Jika ini terhakis maka akan mudahlah segala pengaruh negatif mencorakkan kehidupan dan pemikiran kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak ingin berbicara panjang pada petang ini. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak JKKK dari lima buah kampung atas kesudian untuk menjayakan program ini.

Terima kasih juga atas layanan baik yang diberikan sepanjang mahasiswa-mahasiswi ini berada di tempat anda. Semoga hubungan baik ini akan berterusan di masa-masa akan datang. Anggaplah anak-anak ini sebagai anak-anak anda sendiri.

Kepada mahasiswa-mahasiswi pula, saya amat berharap anda akan menjadi mahasiswa glokal yang akan menyumbang kepada pembangunan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang demi agama, bangsa dan negara.

Akhir kata, terimalah serangkap pantun dari saya :

**Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara;
Baliklah kalian membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.